

Jawapan Lengkap Cabarán KBAT

TINGKATAN 5

BAB 3

Negara kita mengamalkan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Sistem pemerintahan tersebut berteraskan gabungan unsur tradisional dan moden. Ciri tradisional ialah pemerintahan beraja yang merupakan warisan sosiopolitik masyarakat Melayu. Manakala ciri moden pula ialah Kerajaan Persekutuan dan sistem Demokrasi Berparlimen berdasarkan model Westminster, England.

Gabungan ciri pentadbiran tradisional dan moden ini saling melengkapi untuk mewujudkan pentadbiran yang kukuh. Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan di negara kita.

Kombinasi pemerintahan beraja dan Demokrasi Berparlimen merupakan pendekatan terbaik untuk mengimbangi amalan demokrasi dalam negara kita yang mempunyai masyarakat berbilang kaum dengan pelbagai bangsa, agama dan budaya. Pemerintahan beraja berperanan mengimbangi pemerintahan demokrasi kerana raja berkecuali dalam hal politik. Kuasa pengimbang yang ada pada raja mampu meredakan krisis yang berlaku dalam pemerintahan demokrasi seperti perbalahan parti politik dan konflik perkauman dalam masyarakat.

Hal ini dibuktikan melalui peruntukan kuasa budi bicara raja seperti kuasa raja dalam melantik ketua kerajaan dan perisyntihar darurat untuk mengelakkan krisis yang boleh memudaratkan negara dan kententeraman awam.

Selain itu, amalan demokrasi permuafakatan yang berdasarkan prinsip tolak ansur dan perundingan membolehkan parti politik bergabung membentuk kerajaan dan berkongsi kuasa dalam pemerintahan yang membawa kestabilan dan perpaduan kaum di negara kita.

Semenjak merdeka sehingga kini, kombinasi pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen terbukti berjaya membawa kemakmuran negara dan kesejahteraan hidup rakyat.

Tuntasnya, kombinasi ciri pentadbiran tradisional dan moden ini mewujudkan keunikan dan keunggulan sistem pemerintahan di negara kita berdasarkan acuan tersendiri ke arah pembinaan bangsa dan negara.

(Mana-mana jawapan munasabah diterima)

(Maksimum = 8 markah)